KHUTBAH AIDIL ADHA 1437H/2016M
10 Zulhijjah 1437H/12 September 2016

UKHUWAH ERAT TUNJANG KEKUATAN UMMAH

Oleh: JHEAINS

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ،

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ،

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَلِلهِ الْحَمْدُ.

اَللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ للهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكرَةً وَأَصِيْلاً

لآ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ، لآ اِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصرَ عَبْدَهُ، وَاَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ اْلأَحْزَابَ وَحدَهُ.

اَلْحَمْدُ للهِ الَّذِيْ مَنَحَ أَحْبَابَهُ حَلاَوَةَ الطَّاعَةِ، وَعَصَمَهُمْ مِنَ اللَّغْوِ وَاللَّهْوِ وَالإِضَاعَةِ، وَدَعَاهُمْ اِلَى حَجِّ بَيْتِهِ فَأَقْبَلُوْا عَلَيْهِ بِالإِسْتِطَاعَةِ، فَنَالُوْا بِذَلِكَ النَّعِيْمَ الْمُقِيْمَ. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، حَمْدَ مَنْ حَمِدَ اَللهَ، فَأَسْبَغَ عَلَيْهِ جُوْدَهُ وَإِنْعَامَهُ، وَأَشْكُرُهُ شُكْرَ مَنْ أَخْلَصَ للهِ حَجَّهُ فَصَانَ قِيَامَهُ، فَوَقَاهُ اللهُ عَذَابَ الْجَحِيْمِ.

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذاَ النَّبِيِّ الْكَرِيْمِ، سَيِّدِنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ.

عِبَادَ اللهِ، إِتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلاَ تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

وَٱعۡتَصِمُواْ بِحَبۡلِ ٱللَّهِ جَمِيعٗا وَلَا تَفَرَّقُواْۚ وَٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ كُنتُمۡ أَعۡدَآءٗ فَأَلَّفَ بَيۡنَ قُلُوبِكُمۡ فَأَصۡبَحۡتُم بِنِعۡمَتِهِۦٓ إِخۡوَٰنٗا وَكُنتُمۡ عَلَىٰ شَفَا حُفۡرَةٖ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنۡهَاۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ١٠٣

(Surah Ali-Imran, ayat 103)

HADIRIN MUSLIMIN DAN MUSLIMAT JEMAAH AIDILADHA YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ketahuilah bahawa sesungguhnya setiap muslim adalah bersaudara. Tidak seorang pun yang lebih mulia dari yang lainnya kecuali orang yang beramal soleh dan bertaqwa.

Oleh itu, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan tunduk dan akur kepada segala perintah dan larangan-Nya, jangan sekali-kali menentang dan menafikan kebesaran serta kekuasaan-Nya. Serikan dan imarahkanlah hidup ini dengan amal-amal kebajikan dan ketaqwaan, bukan mencemarinya dengan dosa dan permusuhan sesama Muslim. Inilah yang disarankan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

... وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٢

Maksudnya: *"…Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."* (S. Al-Maaidah: 2).

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَلِلهِ الْحَمْدُ.

SAUDARA JEMAAH AIDILADHA YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Nun jauh di Tanah Suci Makkah di ketika ini, sedang berkumandang ucapan talbiah:

لَبَّيْكَ اللّهُمّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لاَ شَرِيْكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لاَشَرِيْكَ لَكَ

yang bermaksud: *"Aku datang kepada-Mu ya Allah, aku datang. Aku datang dengan tidak mensyirikkan Engkau, aku datang. Sesungguhnya segala kepujian kepada Engkau, segala nikmat dari Engkau dan kerajaan kepunyaan Engkau. Tiada sekutu bagi Engkau".* Ucapan talbiah ini dikumandangkan sebagai menzahirkan penyerahan dan pengabdian diri kepada Allah SWT, selaku Tuhan yang berhak dan layak disembah.

Dan, antara jutaan umat Islam yang melafazkan talbiah itu ialah para jemaah haji dari negara kita yang seramai 22,320 orang. Mereka adalah antara jemaah dari seluruh pelusuk dunia yang diizinkan oleh Allah SWT untuk menjadi tetamu-Nya pada musim haji tahun ini mengerjakan rukun Islam kelima. Mereka memakai ihram yang sama warnanya yang melambangkan persamaan dan perpaduan dalam mengotakan niat menyahut kewajipan menunaikan rukun dan wajib haji yang telah ditatapkan.

...وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya*: "…Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadah Haji itu), maka sesungguhnya allah Maha kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk."* (S. Ali- Imran: 97).

Sehubungan itu, peluang melaksanakan kewajipan ibadah haji yang disyariatkan oleh Allah ini merupakan satu nikmat yang besar dan amat bernilai. Ini kerana, selain dapat menyempurnakan kemuncak rukun Islam, ia juga memberi ruang kepada para jemaah untuk berkenal-kenalan dan mengeratkan ukhuwah dengan para jemaah dari seluruh dunia. Ibadah yang diwajibkan hanya sekali dalam seumur hidup ini juga memberi ruang dan kesempatan kepada para jemaah untuk melihat sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Allah SWT di tanah suci sekali gus berpeluang melawat tempat-tempat bersejarah di sana.

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَلِلهِ الْحَمْدُ.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Selaku saudara seagama, marilah kita doakan para jemaah haji yang menjadi tetamu Allah SWT pada musim haji tahun ini beroleh ganjaran haji mabrur, yakni darjat haji yang mulia dan tertinggi di sisi Allah SWT. Segala dosanya akan terampun seperti bayi baru dilahirkan ibunya, manakala imannya semakin kuat dan amal ibadatnya juga semakin meningkat.

Mudah-mudahan, mereka dapat pula membawa cermin kemabruran itu ke dalam lingkungan keluarga masing-masing, jiran tetangga, masyarakat dan seluruh tanah air agar terhindar daripada perbuatan dosa dan maksiat. Seterusnya, berupaya memberi contoh teladan dalam melahirkan semangat untuk melakukan perkara-perkara kebaikan sehingga berjaya mengubah sikap negatif pada diri kepada bersikap positif.

Bagi yang belum lagi berpeluang menyahut panggilan Baitullah, berusaha dan berazamlah bersungguh-sungguh untuk mendapatkan haji mabrur apabila tiba giliran untuk menjadi tetamu Allah SWT kelak. Ketahuilah bahawa Muslim yang mendapat haji mabrur akan beroleh balasan syurga. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: *"Dari umrah ke umrah adalah penghapus dosa di antara kedua-duanya. Dan haji mabrur ada balasannya iaitu syurga."* (HR Bukhari dan Muslim).

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَلِلهِ الْحَمْدُ.

HADIRIN JEMAAH AIDILADHA YANG BERBAHAGIA,

Sementara para jemaah haji mengerjakan wukuf di Padang Arafah, kita di tanah air merayakan Aidiladha dengan melakukan ibadat korban menyembelih haiwan ternakan seperti kambing, lembu, kerbau dan unta. Ia adalah sebagai memperingati, menghayati dan mencontohi sifat ketaqwaan Nabi Ibrahim AS dalam menyahut perintah Allah SWT agar 'menyembelih' anaknya Nabi Ismail AS.

Demikian juga dengan sifat ketaatan Nabi Ismail AS yang redha menerima perintah Allah SWT itu tanpa protes juga harus dijadikan ibrah serta ikutan dalam proses mentarbiah diri menjadi insan Muslim yang muttaqin.

Walaupun kita barang kali tidak diuji dengan situasi yang memerlukan pengorbanan besar seperti Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS, namun kisah tersebut sarat dengan pengajaran agar manusia bersedia melakukan pengorbanan dalam kerangka mencapai darjat taqwa di sisi Allah SWT bagi memastikan kehidupan di dunia dan di akhirat kelak lebih bermakna.

Dengan kata lain, pengertian ibadah korban tidak harus disempitkan hanya kepada pengorbanan menyembelih binatang pada hari raya Aidiladha dan hari-hari Tasyrik semata-mata. Ibadah korban harus dilihat dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh sehingga mencakupi kebaktian kepada Allah SWT selaku Pentadbir seluruh alam, berbakti kepada manusia, memelihara alam sekitar dan sebagainya.

Firman Allah SWT:

وَسَارِعُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ عَرۡضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ أُعِدَّتۡ
لِلۡمُتَّقِينَ ١٣٣ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَٱلۡكَٰظِمِينَ ٱلۡغَيۡظَ وَٱلۡعَافِينَ
عَنِ ٱلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٣٤ وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةً أَوۡ ظَلَمُوٓاْ
أَنفُسَهُمۡ ذَكَرُواْ ٱللَّهَ فَٱسۡتَغۡفَرُواْ لِذُنُوبِهِمۡ وَمَن يَغۡفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ وَلَمۡ يُصِرُّواْ
عَلَىٰ مَا فَعَلُواْ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ١٣٥

Maksudnya: *“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas seluruh langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa. Iaitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang yang menahan kemarahannya, dan orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang yang berbuat perkara-perkara yang baik. Dan juga orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salah dan akibatnya).”* (S. Ali-Imran: 133-135).

Berpandukan kepada mafhum firman Allah SWT tersebut, manusia perlu berkorban bagi mencapai darjat taqwa dan mendapat balasan syurga. Antara pengorbanan yang dituntut itu adalah:

Pertama, berkorban dari segi tenaga dan masa, yakni memanfaatkan tenaga serta masa hidup di dunia ini untuk mengerjakan amal-amal soleh.

Kedua, berkorban dari segi harta, yakni bersifat pemurah mendermakan atau membelanjakan harta pada perkara-perkara yang berkebajikan seperti membantu orang miskin dan mangsa bencana.

Ketiga, berkorban dari segi emosi, yakni menahan sifat pemarah dan bersedia memaafkan kesalahan orang.

Keempat, berkorban mengikis perasaan ego dan rasa banga diri dengan segera bermuhasabah diri dan bertaubat kepada Allah SWT.

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَلِلهِ الْحَمْدُ.

MUSLIMIN MUSLIMAT JEMAAH AIDILADHA YANG MULIA,

Hakikatnya, ibadah korban mengandung falsafah agar umat Islam segera berkorban mengikis sifat kebinatangan atau sifat-sifat buruk dan keji dalam diri sebagai upaya mendekatkan diri kepada Allah SWT untuk meraih hidayah serta rahmat-Nya. Penzahiran pengorbanan yang membabitkan minda, tenaga, masa, jiwa, harta dan sebagainya dapat mengukuhkan hubungan dengan Allah SWT selaku Khalik selain mengukuhkan hubungan sesama manusia. Ia adalah tanda ketaatan dan lambang rasa kehambaan kepada Allah Taala.

Dari dimensi kemanusiaan, pengorbanan yang dilakukan menyuburkan semangat persaudaraan dan rasa kebersamaan di kalangan umat Islam. Persaudaraan yang bukan sahaja terjalin atas hubungan darah dan kekeluargaan, tetapi turut dijalinkan oleh ikatan aqidah yang satu, iaitu Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan syariat yang satu, iaitu syariat Islam yang syumul dan sempurna.

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: *"Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."* (S. Al-Hujurat: 10).

Ayat ini dengan jelas menegaskan bahawa seorang Muslim itu adalah saudara bagi Muslim lainnya. Maka sebagai saudara, seorang Muslim dilarang menghina dan menganiayai saudaranya, apatah lagi membiarkannya terjerumus ke dalam persengketaan dan permusuhan. Jika terdapat orang Islam yang berbalah dan bersengketa, maka menjadi kewajipan bagi saudara Muslim yang lain mendamaikan mereka agar terjalin semula hubungan dan persefahaman yang lebih baik ke arah memperkukuhkan kesatuan dan kekuatan ummah.

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَلِلهِ الْحَمْدُ.

HADIRIN JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Meskipun berlainan bangsa, suku keturunan, warna kulit, negeri dan bahasa, ia bukanlah batu penghalang ke arah mengukuhkan ukhuwah Islamiah dan perpaduan ummah dalam konteks negara kita. Apa yang penting dan perlu dilakukan ialah ikatan ukhuwah Islamiah dan perpaduan ummah perlu sentiasa disuburkan dan diperkukuhkan oleh seluruh umat Islam melalui amalan memberi salam, sembahyang berjemaah, ziarah dan sebagainya.

Ingatlah, kepincangan dalam menjunjung semangat persaudaraan di kalangan umat Islam akan memberi ruang kepada pihak musuh untuk menyuntik racun dan virus kebencian untuk merobohkan perpaduan ummah. Petaka ini diperingatkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُواْ فَتَفۡشَلُواْ وَتَذۡهَبَ رِيحُكُمۡۖ وَٱصۡبِرُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾

Yang bermaksud: *"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang yang sabar."* (S. Al-Anfal: 46).

Bertitik tolak dari perintah serta amaran Allah SWT ini, maka menjadi kewajipan bagi setiap lapisan masyarakat Islam menjunjung tinggi perintah agama dan mensejahterakan negara. Ia adalah bagi memelihara survival agama dan memastikan kesatuan negara dan ummah sentiasa teguh dan kukuh dalam mendepani segala bentuk ugutan, keganasan atau tindakan ekstrem yang boleh menggugat keharmonian yang kita nikmati selama ini.

Dalam hubungan ini, jadikanlah musibah perbalahan dan pertumpahan darah yang melanda beberapa buah negara Islam seperti Syria, Iraq, Yaman dan lain-lain lagi sebagai iktibar serta pengajaran.

Mereka bukan sahaja tidak dapat melaksanakan ibadah korban dalam keadaan aman pada Aidiladha, malahan berkemungkinan menjadi korban pertelingkahan bersenjata yang sedang berkecamuk di sana. Ini kerana ramai yang sudah terkorban terkena bedilan meriam dan bom selain terkorban ditelan lautan sewaktu menyebarang mencari suaka di negara lain.

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَلِلهِ الْحَمْدُ.

JEMAAH AIDILADHA YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sesungguhnya, manusia tidak boleh hidup sendirian, sebaliknya saling bergantungan dan melengkapkan keperluan antara satu sama lain agar lancar urusan kehidupan seharian. Atas hakikat ini, maka bersempena dengan hari mulia ini disyariatkan ibadah korban sebagai wadah mengeratkan ukhuwah Islamiah ini.

Marilah kita menghindari perbuatan-perbuatan keji yang boleh merenggangkan perhubungan, merobek simpulan kasih sayang, menyemai perasaan benci dalam hati dan melebarkan rasa permusuhan sesama manusia.

Untuk itu, jauhilah tabiat dan perbuatan suka mengumpat, mendedahkan aib orang lain, mencari-cari kesalahan orang, berprasangka buruk, hasad dengki, provokasi, fitnah dan lain-lain lagi.

Selain itu, bersama-samalah kita semarakkan semangat serta sifat takaful iaitu saling membantu, ta'awun (saling menolong), dan tasamuh (saling menghargai dan bertoleransi) dalam masyarakat kita. Semangat ini dapat menjana keikhlasan dalam membajai hati dengan rasa kasih dan sayang kepada saudara seagama. Perasaan kasih dan sayang sesama saudara seagama menjadi asas kekuatan ukhuwah Islamiah dan tanda kesempurnaan iman sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

"Tidaklah sempurna iman seseorang di antara kalian hingga dia mengasihi saudaranya seperti mana dia mengasihi dirinya sendiri." (HR Bukhari dan Muslim)

Sehubungan itu, perlu wujud keikhlasan dalam menjalin hubungan silaturahim kerana Allah SWT. Ia bagi membina semangat persaudaraan sejati yang berupaya menghindarkan diri daripada sifat-sifat mazmumah yang menggugat keharmonian dan perpaduan masyarakat. Seterusnya, membina kekuatan Muslim secara keseluruhan kerana ia saling memperkuatkan antara satu sama lain sejajar mafhum Sabda Rasulullah SAW:

"Perumpamaan seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan di mana sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain." (HR Muslim).

Kesimpulannya, janganlah kita menjadi umat seperti yang digambarkan Rasulullah SAW laksana buih di lautan, banyak tetapi tidak bermanfaat, apabila dihentam ombak ia turut mengikuti ombak, kemudian bila ombak surut, buih pun ikut surut.

Justeru, setiap individu dalam komuniti Muslim perlu menyedari bahawa kesatuan umat Islam adalah penting dan perlu diusahakan menerusi penjernihan tautan ukhuwah.

Segala kekangan yang membantut pengukuhan ukhuwah dan penyatuan ummah hendaklah ditangani secara bijaksana dengan hati yang terbuka dan bukannya dengan saling menuding jari punca masalah yang akan mengeruhkan lagi suasana konflik.

Demikian juga dengan perbezaan pendapat yang ada, seharusnya tidak dijadikan punca perselisihan. Sebaliknya, ia hendaklah ditanggapi secara positif sebagai satu rahmat dalam mencari penyelesaian terbaik melalui musyawarah bersandarkan petunjuk al-Quran dan Sunnah. Hikmahnya adalah untuk mencapai kesepakatan dan keberkatan secara kolektif demi kebaikan bersama.

Selanjutnya, kepelbagaian kaum, etnik dan budaya dalam masyarakat kita tidak seharusnya dijadikan tembok pemisah dalam membina perpaduan di kalangan umat Islam. Kepelbagaian itu pada hakikatnya melambangkan kekuasaan Allah SWT yang harus ditanggapi secara positif sebagai faktor pemersatu ummah melalui pendekatan interaksi saling kenal mengenali dan beramah mesra antara satu sama lain bagi mencambah salam ukhuwah. Ukhuwah yang erat adalah tunjang kekuatan ummah sebagaimana tercatat pada tinta sejarah hijrah Rasulullah SAW membina negara Madinah.

Rasulullah SAW mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Langkah ini menjadikan mereka bersatu dan mengumpul kekuatan bertunjangkan aqidah Islam yang sebenar dengan keinsafan orang yang paling mulia di sisi Allah SWT adalah orang yang bertaqwa.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

Maksudnya: *"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."* (S. Al-Hujurat: 13).

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسآئِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُوءْمِنِيْنَ وَالْمُوءْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّآئِبِيْنَ.

KHUTBAH KEDUA AIDIL ADHA 1437H/2016M

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ،

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ

اَللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ للهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكرَةً وَأَصِيْلاً، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ.

اَلْحَمْدُ للهِ الَّذِيْ جَعَلَ الأَضَاحِى مِنْ أَجْلِ الْقُرْبَانِ. وَضَاعَفَ لِعَامِلِهَا الحَسَنَاتِ. وَكَانَتْ سَبَبًا لِدُخُوْلِ أَهْلِهَا الْجَنَّاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِيْنَ فَازُوْا بِالْجَنَّةِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ، اِتَّقُوْا اللهَ حَيْثُ مَا كُنتُمْ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَللهِ الْحَمْدُ.

Sesungguhnya Aidiladha adalah Hari Raya yang paling tinggi darjatnya di sisi Allah SWT. Ini kerana ia memberi ruang dan kesempatan kepada umat Islam untuk beramal dan beribadat kepada Allah SWT demi untuk menguatkan lagi keimanan, ketaqwaan dan sifat tawaduk kepada Allah SWT.

Sehubungan itu, Islam mensyariatkan agar umat Islam bertakbir iaitu mengagungkan kekuasaan Allah SWT, bertahmid iaitu memuji kebesaran Allah SWT, bertasbih iaitu mensucikan Allah SWT dari sebarang kesyirikan. Masa bertakbir disunatkan bermula pada malam Hari Raya, iaitu 10 Zulhijah sehingga masuk matahari pada Hari Tasyrik 13 Zulhijah.

Di samping itu, pada hari raya ini juga, Islam mensyariatkan supaya melakukan ibadah korban dengan menyembelih binatang-binatang korban seperti kambing, biri-biri, lembu, kerbau dan unta kepada mereka yang berkemampuan. Masa untuk melaksanakan ibadah ini telah ditentukan bermula pada 10 Zulhijjah sesudah khutbah hari raya, dan Hari-hari Tasyrik 11, 12, 13 Zulhijjah.

Dengan hal yang demikian, pada bulan Zulhijjah ini, ada dua perkara besar yang dianjurkan dalam Islam iaitu ibadat haji dan ibadat korban. Kedua-dua ibadah ini sudah tentunya memerlukan pengorbanan khususnya dari segi perbelanjaan dalam melaksanakan ibadat tersebut. Pengorbanan ini adalah semata-mata pengabdian kita kepada Allah SWT, sebagaimana firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: *"Dan ingatlah Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."* (S. Adz-Dzaariyaat: 56).

Ibadah haji dan ibadah korban juga bertujuan untuk mendidik, mengasuh dan mengajar umat Islam supaya bersifat sabar, pemurah, bertolak ansur, bantu-membantu dan sebagainya, di mana hasilnya nanti dapat mengeratkan hubungan persaudaraan dan seterusnya dapat mengukuhkan perpaduan ummah.

Oleh itu, ketahuilah bahawa melakukan amalan atau segala perkara yang diperintahkan dalam Islam pasti banyak manfaatnya. Malah kita dijanjikan dengan gandaan kebaikan, keberkatan, rahmat dan ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Ini kerana perintah ibadat atau amal soleh itu akan dapat menyuburkan iman dan taqwa. Orang yang beriman dan bertaqwa pastinya bersedia menjunjung segala perintah Allah SWT demi untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup yang diredhai Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Justeru, mereka akan berkorban apa saja demi kecintaan dan ketaatan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Mereka sanggup berkorban masa, tenaga, ilmu, harta, wang ringgit, jiwa raga, fikiran, hatta berkorban kepentingan diri dan juga perasaan. Firman Allah SWT:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَـٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ
وَرَسُولِهِۦ وَتُجَـٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ash-Shaff ayat 10 - 11 yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu hendak mengetahui hakikat yang sebenarnya." (S. Ash-Shaff: 10 – 11).

Ketahuilah bahawa iman dan taqwa itulah yang mendorong kita untuk sanggup berkorban seperti sanggup mengeluarkan wang ringgit untuk menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Mekah, bersedia menempuh segala penat lelah dalam perjalanan dan juga menyembelih binatang korban pada Hari Raya Aidiladha ini.

Akhirnya sempena Aidiladha yang mulia ini, bersama-samalah kita berazam untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT. Mudah-mudahan dengan demikian kita akan tergolong di kalangan orang yang berjaya di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah SWT:

لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقْوَىٰ مِنكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: *"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya membesarkan Allah kerana mendapat nikmat pertunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira dengan balasan yang sebaik-baiknya kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya."* (S. Al Hajj: ayat 37).

إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا. اَللّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِى الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ اْلأَحْيَآءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ. اَللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِيْنَا وَعَنْ جَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيْمَانًا كَامِلاً، وَيَقِيْنًا صَادِقًا، وَلِسَانًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا، وَعَمَلاً صَالِحًا مُتَقَبَّلاً. اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ مِنْ كُلِّ بَلِيَّةٍ، وَنَسْأَلُكَ تَمَامَ الْغِنَى عَنِ النَّاسِ. اَللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا اْلإِيْمَانَ وَزَيِّنْهُ فِى قُلُوْبِنَا، وَكَرِّهْ إِلَيْنَا الْكُفْرَ وَالْفُسُوْقَ وَالْعِصْيَانَ، وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِيْنَ

اَللّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلاَمَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا :

Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Sabah

و أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلاَطِيْنِ الْكِرَامِ وَجَمِيْعِ وُلاَةِ الْمُسْلِمِيْنَ الْعِظَامِ الَّذِيْنَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوْا يَعْدِلُوْنَ

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

رَبَّنَا اغْفِرْلَنَا وَلإِخْوَانِنَا الَّذِيْنَ سَبَقُوْنَا بِالإِيْمَانِ وَلاَ تَجْعَلْ فِيْ قُلُوْبِنَا غِلاًّ لِلَّذِيْنَ آمَنُوْا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوْفُ الرَّحِيْمُ .

وَوَفِّقْنَا وَإِيَّاكُمْ لِكُلِّ فِعْلٍ حَمِيْدٍ ، وَأَعَادَ عَلَيْنَا وَعَلَيْكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ هَذَا اليَوْمِ السَّعِيْدِ، وَأَعِدْنَا وَإِيَّاكُمْ مِنْ هَوْلِ اليَوْمِ الوَعِيْدِ. وَأَدْخِلْنَا وَإِيَّاكُمُ الْجَنَّةَ مَعَ الفَائِزِيْنَ الَّذِيْنَ دَعْوَاهُمْ فِيْهَا سَلاَمٌ وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الْحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَمِيْنَ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.

اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، وَللهِ الْحَمْدُ.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN PENYELIDIKAN & INFORMASI
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

PERINGATAN : *Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat al-Quran,Hadith dan doa. Mohon dijaga dengan baik dan tidak disepahkan*.